

# LIMA'19 tingkat keupayaan syarikat pertahanan negara

BH - 29/3/2019 m/s: 4

➔ Kemampuan teknologi tempatan berpotensi tinggi: PM

Oleh M Hifzuddin Ikhsan, Hazwan Faizal Mohamad dan Hamzah Osman  
bhnews@bh.com.my

► Langkawati

Penganjuran Pameran Maritim dan Udara Langkawati (LIMA) sejak 1991 terbukti berjaya meningkatkan kemahiran individu dan syarikat tempatan dalam industri pertahanan sehingga

mendapat perhatian di peringkat dunia, kata Tun Dr Mahathir Mohammad.

Perdana Menteri berkata, beliau berbangga dengan keupayaan ditunjukkan syarikat tempatan sehingga dapat mengeluarkan peralatan berkaitan pertahanan yang boleh dipasarkan ke peringkat antarabangsa.

## Teknologi canggih

“Industri (pertahanan) kita telah meningkat dengan lebih baik kerana kita sudah menguasai banyak teknologi canggih dan mampu mengeluarkan barangan pertahanan yang boleh diekspor ke negara lain.

“Dalam lawatan saya ke ruang pameran syarikat Malaysia, mereka menunjukkan kebolehan bagaimana menara kawalan udara (ATC) boleh dikawal



mereka yang hanya minat dalam bidang berkenaan,” katanya pada sidang media sempena LIMA 2019 (LIMA'19) di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, beliau berharap selepas ini individu berbakat dalam bidang penerbangan warga Malaysia dapat pulang dan menyumbang kepada industri tempatan pula.

“Tiada perbincangan, tetapi saya harap sesiapa yang ada kecekapan, kembalilah ke negara untuk naikan bi-

dag aeroangkasa.

Ditanya sama ada usaha membangunkan industri persenjataan akan merangsang pembangunan ekonomi negara, Dr Mahathir berkata industri persenjataan memerlukan pengetahuan dalam pelbagai bidang teknologi.

## Kuasai ilmu

“Kita perlu belajar jika kita mahu menjadi negara maju, kita perlu kuasai ilmu ini,” katanya.

Perdana Menteri juga menyifatkan LIMA'19 adalah antara yang terbaik pernah dianjurkan dan berharap ia dapat diteruskan dan menarik lebih banyak pelaburan kepada negara.

“Inilah rekod LIMA. Saya yakin kejayaan LIMA ini akan berterusan dan kita akan dapat banyak manfaat daripada pameran ini,” katanya.